

Hukuman buang daerah dorong jenayah berlaku di tempat lain

U.M. M/S 4 10.5.07

KUALA LUMPUR 9 Mei - Hukuman buang daerah ke atas penjenayah tidak lagi sesuai dikuat kuasakan pada masa sekarang kerana pelaksanaannya akan menyebabkan jenayah yang dilakukan di daerah-daerah lain berpindah ke kawasan baru tempat penjenayah itu diasingkan.

Pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi Mara, Profesor Madya Dr. Abd. Halim Sidek memberitahu, dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang ada, penjenayah mempunyai banyak peluang untuk kembali melakukan jenayah di tempat lain.

“Jika dulu bila seseorang dibuang daerah, mereka akan diletakkan di satu tempat yang terpencil tetapi kini tidak lagi.

“Walaupun tempat itu di pedalaman, tetapi dengan kemajuan ICT yang ada, ia memberi peluang kepada mereka untuk menghubungi orang di luar sekali gus kembali terlibat dengan jenayah,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Abd. Halim, perkara tersebut tidak mustahil berlaku kerana di kawasan pedalaman juga telah dilengkapi dengan kemudahan ICT seperti talian telefon bimbit dan Internet.

“Mereka masih boleh menghubungi sesiapa sahaja melalui telefon, SMS atau Internet malah mampu merancang sebarang kegiatan jenayah walaupun tanpa mengadakan perbincangan secara bersemuka,” ujarnya.

Mengasingkan

Kata beliau, ini jelas menunjukkan bahawa dengan mengasingkan penjenayah dari sebuah daerah ke daerah yang lain tidak lagi bersesuaian dan sudah lapuk.

Abd. Halim berkata, kerajaan seharusnya mengkaji semula hukuman buang daerah kerana undang-undang tersebut telah dibuat sebelum merdeka dan tidak sesuai diguna pada masa sekarang.

“Seharusnya satu badan khas ditubuhkan bagi memantau dan mengkaji semula semua hukuman dan undang-undang lapuk supaya keberkesanannya relevan dengan masa sekarang,” katanya.

Kata beliau, badan khas tersebut perlu dikhususkan untuk mengkaji semua undang-undang yang lapuk supaya mereka lebih fokus dan komited kepada perkara tersebut berbanding kumpulan yang dibuat secara sementara.

Abd. Halim berkata, antara yang dicadangkan untuk menganggotai badan khas tersebut ialah pengamal undang-undang, ahli akademik, hakim, wakil dari jabatan kerajaan dan pesara dalam bidang perundangan yang masih bergiat aktif.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan agar perintah buang daerah ditukarkan kepada hukuman khidmat masyarakat supaya penjenayah didedahkan kepada komuniti dan aktiviti kemasyarakatan.

“Bagaimanapun untuk menguatkuasakan hukuman tersebut perlu diwujudkan satu jawatan seperti pegawai pemerhati untuk memantau pergerakan penjenayah ini,” ujarnya.

Kata beliau, dengan adanya jawatan ini pergerakan penjenayah akan terkawal kerana mereka bukan sahaja bertindak memerhati tetapi turut memberi khidmat kaunseling.

Tambah beliau, jawatan seumpama itu amat berkesan dan ia telah lama wujud di Eropah serta Amerika Syarikat.